

05/05/2001

Pahang bantu kenal pasti tapak Uniten

MUADZAM SHAH, Jumaat - Kerajaan Pahang sedia membantu menyediakan tapak bagi pembinaan kompleks Universiti Tenaga Nasional (Uniten) di bandar ini tetapi pengurusannya perlu mencari lokasi sebenar supaya proses kelulusannya dapat disegerakan.

Pembinaan kompleks Uniten yang dilengkapi pelbagai kemudahan canggih itu perlu dilakukan sebagai persediaan menampung 3,000 pelajar dalam tempoh lima tahun akan datang, berbanding kemasukan 360 pelajar pertamanya di kampus sedia ada pada bulan depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata sebagai langkah awal, kerajaan negeri sedia memperuntukkan kawasan seluas 200 hektar di bandar ini untuk pembinaan Uniten tetapi penetapan lokasinya diserahkan kepada pengurusan universiti itu menentukannya.

Beliau berkata, selain meringankan beban kampus induk Uniten di Bangi, Selangor yang kini menampung 7,000 pelajar, pembukaan kampus Uniten di bandar ini juga dapat menjana kegiatan ekonomi di sini serta daerah Rompin keseluruhannya.

Katanya, suasana tenang di bandar ini juga menjadi faktor paling sesuai untuk pembinaan Uniten kerana ia menyediakan persekitaran pembelajaran yang baik kepada pelajar bagi mencapai kecemerlangan dalam pengajian yang diikuti.

Menurutnya, bandar ini mampu muncul sebagai bandar pendidikan di Pahang kerana selain Uniten, kemudahan pendidikan yang ada di sini ialah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), sekolah menengah teknik, sekolah menengah agama, sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan.

"Pembukaan kampus Uniten di bandar ini, bukan saja dapat menjana kegiatan ekonomi tetapi turut menyemarakkan sektor pendidikan.

"Berikutan itu, dalam usaha Uniten memperluaskan operasinya pada masa depan, kerajaan negeri sedia memperuntukkan tanah seluas 200 hektar bagi pembinaan kompleks Uniten di sini tetapi lokasi sebenarnya perlu ditetapkan bagi memudahkan kita meluluskannya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian kampus Uniten di bandar ini, hari ini.

Perasmiannya dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad secara langsung menerusi persidangan video dari Kompleks Sukan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Kuala Lumpur.

Selain Uniten, perasmian secara serentak menerusi sidang video oleh Perdana Menteri itu turut membabitkan Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar, Selangor; Skim Taman Perumahan TNB di Johor Bahru dan Kedai Tenaga Prosper di Kuala Lumpur.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Pengurusan) Uniten, Yaacob Sharrif, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Multimedia Pahang, Maznah Mazlan serta Exco kerajaan negeri.

Kampus Uniten sedia ada di bandar ini beroperasi di Wisma Sultan Ahmad Shah yang dulunya digunakan sebagai pejabat Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (Dara).

Sementara itu, Adnan berkata, sebuah universiti yang dicadang pembinaannya di Bentong oleh Kementerian Pendidikan, akan ditukarkan tempatnya ke Pekan kerana berdekatan dengan industri automotif di situ.

Katanya, setakat ini, kerajaan negeri sudah mengenal pasti kawasan bagi pembinaan universiti itu tetapi tidak boleh diumumkan kawasannya bagi mengelak spekulasi hartanah.

"Pada awalnya kita mencadangkan universiti teknikal itu dibina di Bentong kerana kita ingin menggiatkan kawasan perindustrian di bandar itu.

"Bagaimanapun, kosnya terlalu mahal dan Kerajaan Pusat kemudian meminta ia dibina berdekatan kawasan industri automotif sedia ada dan kita mencadangkan lokasinya antara Pekan atau Kuantan.

"Mungkin Pekan dipilih kerana ia lebih sesuai berikutan banyak industri automotif beroperasi di situ," katanya.

(END)